

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.10.2016

Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) langkah Kementerian untuk mewujudkan sistem "automatic information" dengan pihak SSM dan juga pejabat tanah memandangkan LHDN tidak mempunyai suatu "database" lengkap maklumat pemilikan harta yang mengakibatkan LHDN gagal untuk mengutip hasil cukai tambahan ratusan juta ringgit; dan
- (b) tindakan susulan yang diambil Kerajaan setelah mendapat perintah mahkamah berkenaan syarikat-syarikat korporat besar yang gagal menjelaskan cukai yang mencecah berbilion-bilion ringgit.

JAWAPAN

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LHDN telah menjalinkan kerjasama dengan SSM bagi tujuan perkongsian data bagi tujuan percukaian. LHDN mempunyai akses kepada sistem MyCoID, yang membolehkan data pendaftaran syarikat merangkumi maklumat berkaitan perniagaan dikongsi secara automatik. Selain itu, LHDN juga mempunyai sistem Gudang Data (*Data Warehouse*) yang telah digunakan sejak tahun 2004 bagi tujuan pengumpulan maklumat berkaitan percukaian. Data tersebut juga adalah termasuk data yang melibatkan transaksi pemilikan, penjualan, dan pindah milik harta tanah, melalui maklumat pembayaran duti setem.

Selain daripada dua inisiatif di atas, LHDN juga menjalin kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) khususnya perkongsian maklumat berkaitan dengan GST. Dengan kerjasama ini, LHDN akan dapat meningkatkan tahap kepatuhan di kalangan pembayar cukai melalui perkongsian maklumat dan data yang diperolehi daripada JKDM.

Malaysia juga telah menyertai inisiatif percukaian antarabangsa dengan komitmen di peringkat global mengenai perkongsian pertukaran maklumat percukaian secara automatik di bawah *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD). Langkah ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi

tahap pematuhan cukai selain dapat menangani isu pengelakan dan pelarian cukai oleh syarikat yang sepatutnya perlu membayar cukai di Malaysia. Ini membolehkan Kerajaan mempunyai suatu “database” lengkap pembayar cukai yang komprehensif untuk terus memantau dan meningkatkan tahap pematuhan cukai di Malaysia.

b. Tindakan susulan yang telah diambil oleh LHDN terhadap syarikat-syarikat yang telah memperoleh penghakiman / perintah mahkamah adalah seperti berikut:

Tindakan Ke atas Syarikat

- i. Writ Penyitaan dan Pelelongan ke atas Aset-Aset Mudah Alih seperti peralatan / kelengkatan pejabat;
- ii. Writ Penyitaan dan Pelelongan ke atas Aset-Aset Tak Alih seperti tanah / bangunan; dan
- iii. Petisyen Pengulungan Syarikat iaitu melaksanakan tindakan penggulungan syarikat di bawah Perenggan 218(2)(a) Akta Syarikat 1965.

Tindakan Ke atas Pengarah Syarikat (Seksyen 75A ACP 1967)

- i. Penahanan keluar negara iaitu mengambil tindakan sekatan perjalanan di bawah Seksyen 104 ACP 1967 terhadap pengarah yang berkenaan di bawah Seksyen 75A ACP 1967;

- ii. Saman Pengutang Penghakiman;
- iii. Writ Penyitaan dan Pelelongan ke atas Aset-Aset Mudah Alih seperti peralatan / kelengkatan pejabat;
- iv. Writ Penyitaan dan Pelelongan ke atas Aset-Aset Tak Alih seperti tanah / bangunan; dan
- v. Tindakan Kebankrapan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @
NYALLAU ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 25.10.2016 (SELASA)

SOALAN : 15

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apa perancangan untuk mempercepatkan pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar ke rumah-rumah panjang kawasan Ulu Sungai Engkari dan kawasan Ulu Sg. Lemanak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB, Kementerian telah memulakan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar ke kawasan Ulu Sungai Lemanak pada tahun 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM6.09 juta dan memberi manfaat bekalan elektrik 24 jam kepada 115 pemohon apabila siap kelak.

Bagi pelaksanaan projek di kawasan Ulu Sungai Engkari, Kementerian telah menyenaraikan permohonan untuk pelaksanaan di bawah "*Rolling Plan*" ke 2 mulai tahun 2017 hingga 2018.